8	Gula	175 g	
9	Minyak bijan	50 ml	
10	Sos <i>Lea and Perrin</i>	100 ml	
11	Sengkuang	3.2 kg	Dipotong dadu
12	Minyak (untuk menggoreng ayam)	Secukupnya	
13	Daun bawang (untuk hiasan)	175 g	Dihiris halus

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Campurkan kicap cair, bancuhan tepung jagung dan serbuk lada putih dengan bahan yang dikisar untuk dijadikan bahan perapan
- 2 Gaulkan ayam dengan bahan perapan dan perap selama 20 minit
- 3 Gorengkan ayam yang telah diperap
- 4 Panaskan kuali dan masukkan minyak bijan. Apabila minyak sudah panas, tumis cili kering kemudian masukkan ayam dan sengkuang. Tumis sehingga ia berwarna kekuningan
- 5 Masukkan bahan-bahan lain kecuali gajus dan daun bawang. Kacau sebati
- 6 Masukkan gajus dan kacau rata. Hiaskan dengan daun bawang

Resepi : AYAM MASAK KAM HEONG**B13**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ayam	6.3 kg	Dicuci dengan sedikit garam dan tepung jagung
2	Tepung jagung	125 g	
3	Daun kari	150 g	
4	Serbuk kari	175 g	
5	Kicap cair	175 g	
6	Kicap pekat	250 g	
7	Minyak bijan	175 g	
8	Sos tiram	325 g	
9	Udang kering	75 g	Direndam dan ditoskan
10	Cili padi	50 g	
11	Bawang merah	900 g	Dikisar
12	Bawang putih	375 g	Dikisar
13	Bawang besar	900 g	Dipotong bulat
14	Garam	Secukup rasa	
15	Gula	Secukup rasa	
16	Minyak (untuk menggoreng dan menumis)	Secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan goreng ayam hingga masak. Angkat dan ketepikan
- 2 Campurkan serbuk kari, sos tiram, minyak bijan, kicap cair dan kicap pekat dalam satu mangkuk untuk dijadikan bahan perencah
- 3 Panaskan minyak, tumis bahan yang telah dikisar tadi. Masukkan udang kering dan biarkan sampai naik bau.
- 4 Masukkan cili padi, daun kari dan bahan perencah tadi, kacau hingga sehati
- 5 Tambahkan gula dan garam secukupnya
- 6 Masukkan ayam dan bawang besar
- 7 Kacau rata dan biarkan masak seketika

Resepi : AYAM MASAK PONG TEH**B14**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ayam	6.3 kg	Dicuci dan digaulkan dengan garam
2	Bawang merah	625 g	Dikisar
3	Bawang putih	375 g	Dikisar
4	Taucu	250 g	Ditoskan dan diambil kacangnya sahaja
5	Cendawan <i>Shitake</i>	125 g	Direndam dan ditoskan
6	Kentang	1.5 kg	Dipotong wedges dan direndam
7	Kicap pekat	125 ml	
8	Kicap cair	100 ml	
9	Gula	35 g	
10	Cili merah	75 g	
11	Cili hijau	100 g	
12	Daun sup (hiasan)	25 g	
13	Minyak (untuk menggoreng dan menumis)	Secukupnya	
14	Garam (untuk menggoreng ayam)	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Goreng ayam sehingga masak dan ketepikan
- 2 Panaskan minyak dan tumiskan bahan kisar sehingga harum
- 3 Masukkan taucu. Kacau dan masak hingga terbit minyak.
- 4 Masukkan cili kisar dan tumis hingga naik minyak
- 5 Masukkan kentang ke dalam bahan tumis. Tambah sedikit air dan masak sehingga kentang empuk
- 5 Masukkan ayam dan cendawan.
- 6 Perasakan dengan kicap pekat, kicap cair dan gula
- 7 Masukkan sehingga kuah pekat sedikit



MENU IKAN

C1	<i>Ikan Bawal Goreng</i>
C2	<i>Ikan Bawal Hitam Masak Taucu</i>
C3	<i>Ikan Cencaru Sumbat</i>
C4	<i>Ikan Kembung Goreng Masak Kicap</i>
C5	<i>Ikan Kembung Goreng Tepung</i>
C6	<i>Ikan Siakap Masak 3 Rasa</i>
C7	<i>Ikan Tenggiri Goreng Masak Kicap</i>
C8	<i>Ikan Talapia / Keli / Kembung Goreng Berlada</i>
C9	<i>Ikan Tenggiri Masak Asam Pedas</i>
C10	<i>Ikan Tenggiri Masak Lemak Cili Api</i>
C11	<i>Ikan Merah Masak Kari</i>
C12	<i>Ikan Tenggiri Masak Kari</i>
C13	<i>Ikan Jenahak Masak Kari</i>
C14	<i>Ikan Senangin Masak Kari</i>
C15	<i>Ikan Selar Goreng</i>
C16	<i>Ikan Vegetarian Berlada</i>

C. Resepi Standard IKAN

Resepi : **IKAN BAWAL GORENG**

C1

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan bawal	25 ekor	Dibersihkan
5	Serbuk kunyit	62.5 g	
6	Garam halus	Secukup rasa	
7	Minyak	Secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

DOH :

- 1 Lumur ikan bersama garam dan serbuk kunyit.
- 2 Kemudian, sediakan minyak secukupnya untuk menggoreng.
- 3 Masukkan ikan dan goreng hingga garing keemasan.
- 4 Toskan setelah masak.

Resepi : IKAN BAWAL MASAK TAUCHU**C2**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ikan Bawal	25 ekor	Basuhkan dan dipotong dua
2	Bawang merah	1.1 kg	Dihiris
3	Bawang putih	250 g	Dihiris
4	Taucu	250 g	
5	Air asam jawa	250 ml	
6	Cili merah	400 g	Dihiris
7	Cili hijau	200 g	Dihiris
8	Bawang besar	2.2 g	dihiris
9	Gula	Secukupnya	
10	Kunyit	Secukupnya	
11	garam	secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Gaulkan ikan bersama garam dan kunyit. Goreng hingga garing dan ketepikan.
- 2 Tinggalkan sedikit minyak dan tumiskan bawang merah dan bawang putih hingga wangi.
- 3 Masukkan taucu, air asam jawa dan gula. Biarkan mendidih.
- 4 Masukkan cili merah, cili hijau dan bawang besar. Kacau rata.
- 5 Biarkan pekat sedikit, kemudian tuangkan di atas ikan tadi.

Resepi : IKAN CENCARU SUMBAT**C3**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan cencaru	50 ekor	Dibersihkan dan dibelah belakang
2	Serai	100 batang	Dikisar
3	Bawang merah	650 g	Dikisar
4	Cili merah	600 g	Dikisar
5	Garam	Secukup rasa	
6	Gula	Secukup rasa	
7	Minyak masak	Secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**DOH :**

- 1 Gaul bahan kisar, gula dan garam sehingga sehati. Kemudian masukkan di belakang ikan cencaru.
- 2 Kemudian, panaskan minyak secukupnya untuk menggoreng.
- 3 Masukkan ikan dan goreng hingga garing keemasan.
- 4 Terbalikkan ikan supaya kedua-dua belah ikan garing.
- 5 Apabila sudah masak, angkat dan letakkan di atas pinggan.

Resepi : IKAN KEMBUNG GORENG MASAK KICAP**C4**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan kembung	50 ekor	Bersihkan
2	Serbuk kunyit	62.5 kg	
3	Garam	62.5 g	
4	Cili merah	100 g	Hiris serong memanjang
5	Cili hijau	100 g	Hiris serong memanjang
6	Bawang besar	375 g	Potong bulat dan leraikan
7	Kicap lemak manis	780 g	
8	Kicap pekat	62.5 g	
9	Air	3.1 liter	
BAHAN-BAHAN KISAR			
1	Bawang merah	800 g	
2	Bawang putih	188 g	
4	Halia	188 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**INTI :**

- 1 Lumur ikan dengan garam dan serbuk kunyit. Kemudian goreng hingga masak, tidak perlu sampai garing. Angkat dan ketepikan.
- 2 Panaskan minyak, tumis bahan kisar hingga terbit minyak. Masukkan kicap lemak manis, kicap pekat dan air. Kacau rata.
- 3 Masukkan ikan dan bawang besar, kacau rata dan masak hingga pekat.
- 4 Masukkan hirisan cili merah dan cili hijau. Gaul rata dan masak sekejap.

Resepi : IKAN KEMBUNG GORENG TEPUNG**C5**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan kembung	50 ekor	Dibersihkan
2	Tepung gandum	2.5 kg	
3	Air sejuk	3.1 liter	
4	Marjerin	187 g	
5	Serbuk kunyit	62.5 g	
6	Garam halus	Secukup rasa	
7	Minyak	Secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**DOH :**

- 1 Blend semua bahan kecuali ikan hingga sehati. Batter hendaklah tidak terlalu pekat dan tidak terlalu cair.
- 2 Kemudian, sediakan minyak secukupnya untuk menggoreng.
- 3 Celupkan ikan ke dalam batter tadi dan goreng hingga garing keemasan.
- 4 Toskan setelah masak.

Resepi : IKAN SIAKAP MASAK 3 RASA**C6**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ikan siakap	4000g	Dibersihkan
2	Tepung jagung	167g	
3	Bawang merah	563g	Dihiris
4	Bawang besar	1250g	Dihiris
5	Bawang putih	125g	Dihiris
5	Halia	188g	Dihiris
6	Minyak masak	Secukupnya	
	Bahan Sos		
	- Nanas	1000g	
	- Timun	500g	
	- Tomato	1000g	
7	- Sos tomato	375g	Dipotong dadu
	- Sos cili	375g	Dipotong dadu
	- Sos tiram	375g	Dipotong dadu
	- Air	375g	
	- Gula	63g	
	Hiasan		
	- Cili merah	250g	
8	- Cili hijau	250g	
	- Tomoto	1250g	
	- Daun bawang	25g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Salutkan tepung jagung pada seluruh bahagian ikan
- 2 Gorengkan ikan di dalam minyak yang banyak sehingga masak dan kuning keemasan
- 3 Panaskan minyak untuk menumis bahan sos
- 4 Masukkan bahan sos dan biarkan mendidih. Kacau rata
- 5 Masukkan bahan hiasan kemudian tutup api
- 6 Curahkan kuah sos ke atas ikan dan sedia di hidang

Resepi : IKAN TENGGIRI GORENG MASAK KICAP**C7**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan tenggiri	6.3 kg	Bersihkan
2	Serbuk kunyit	62.5 kg	
3	Garam	62.5 g	
4	Cili merah	100 g	Hiris serong memanjang
5	Cili hijau	100 g	Hiris serong memanjang
6	Bawang besar	375 g	Potong bulat dan leraikan
7	Kicap lemak manis	780 g	
8	Kicap pekat	62.5 g	
9	Air	3.1 liter	
BAHAN-BAHAN KISAR			
1	Bawang merah	800 g	
2	Bawang putih	188 g	
4	Halia	188 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**INTI :**

- 1 Lumur ikan dengan garam dan serbuk kunyit. Kemudian goreng hingga masak, tidak perlu sampai garing. Angkat dan ketepikan.
- 2 Panaskan minyak, tumis bahan kisar hingga terbit minyak. Masukkan kicap lemak manis, kicap pekat dan air. Kacau rata.
- 3 Masukkan ikan dan bawang besar, kacau rata dan masak hingga pekat.
- 4 Masukkan hirisan cili merah dan cili hijau. Gaul rata dan masak sekejap.

Resepi : IKAN TALAPIA / KELI / KEMBUNG GORENG BERLADA**C8**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ikan	50 ekor	Dibersihkan dan dikelar
2	Cili merah	800 g	Dikisar
3	Cili api	160 g	Dikisar
4	Bawang putih	250 g	dikisar
5	Bawang merah	750 g	Dikisar
6	Bawang besar	1.5 kg	Potong bulat
7	Limau kasturi	84 biji	Diambil jusnya
8	garam	Secukup rasa	
9	Serbuk kunyit	83 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Lumurkan garam dan kunyit pada ikan.
- 2 Panaskan minyak dan gorengkan ikan sehingga garing. Angkat dan ketepikan.
- 3 Tinggalkan sedikit minyak, dan tumiskan bahan kisar sehingga pecah minyak dan wangi.
- 4 Masukkan garam dan bawang besar dan kacau rata.
- 5 Tutup api dan masukkan perahan limau. Kacau lagi.
- 6 Angkat dan tuangkan di atas ikan. sedia dihidangkan.

Resepi : IKAN TENGGIRI MASAK ASAM PEDAS**C9**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan tenggiri	6.3 kg	Bersihkan dan perasakan dengan garam
2	Serai	50 batang	Dititik
3	Tomato	100 biji	Di belah empat
4	Asam jawa	125 g	
5	Daun kesum	213 g	
6	Air	4.7 liter	
7	Minyak	375 liter	
8	Gula	62.5 g	
9	Garam	Secukup rasa	
BAHAN KISAR			
1	Cili kering	75 g	
2	Belacan	500 g	
3	Kunyit hidup	125 g	
4	Bawang merah	650 g	
5	Bawang putih	113 g	
6	Halia	63 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Perah air asam jawa dengan 375 ml air kemudian ditapis.
- 2 Panaskan minyak dan tumis bahan-bahan kisar bersama serai yang dititik hingga harum dan terbit minyak.
- 4 Masukkan air asam jawa dan air secukupnya dan biarkan kuah mendidih.
- 5 Masukkan daun kesum, perasakan dengan garam dan gula secukup rasa.
- 5 Kemudian masukkan ikan. Biarkan ia mereneh dan ikan empuk kemudian masukkan tomato.
- 6 Biarkan sebentar dan sedia untuk di hidangkan.

Resepi : IKAN TENGGIRI MASAK LEMAK CILI API**C10**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ikan tenggiri	4000 g	Bersihkan ikan dan toskan.
2	Cili Api	375 g	Dikisar
3	Kunyit Hidup	17 g	Dikisar
4	Belimbing Buluh	33 g	
5	Serai	250 g	Diketuk
6	Santan Cair	2083 ml	
7	Santan Pekat	4167 ml	
8	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Masukkan semua bahan kecuali santan pekat. Masak sehingga mendidih.
- 2 Apabila sudah mendidih, masukkan santan pekat. Kacau perlahan-lahan sehingga mendidih.
- 3 Tutup api dan hidangkan.

Resepi : IKAN MERAH MASAK KARI**C11**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan merah	38 ekor	Dipotong 3 bahagian bersihkan bersama asam jawa
2	Rempah kari ikan	313 g	Ditambahkan sedikit air dan jadikan pes
3	Bendi	825 g	
4	Tomato	288 g	Dibelah 4
5	Santan	2.4 liter	
6	Air asam jawa	125 ml	
BAHAN-BAHAN PENUMIS			
1	Bawang putih	125 g	Dikisar
2	Bawang merah	325 g	Dikisar
3	Halia	63 g	Dikisar
	Halba campur		
3	- Biji sawi	62.5 g	
	- Jintan manis		
	- Halba		
4	Daun kari	180 g	Ambil daunnya
5	Minyak masak	563 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**DOH :**

- 1 Panaskan minyak dan tumiskan bawang-bawang halba campuran dan daun kari. Goreng hingga layu dan bau wangi.
- 2 Kemudian, masukkan pes rempah kari, masak sehingga garing. Jika terlalu kering, masukkan sedikit air.
- 3 Masukkan air asam jawa dan garam. Masak sehingga mendidih.
- 4 Masukkan ikan dan bendi dan biarkan sehingga masak.
- 5 Masukkan tomato dan masak selama 5 minit.
- 6 Masukkan santan didihkan selama 1 minit.
- 7 Angkat dan hidang bersama nasi atau roti.

Resepi : IKAN TENGGIRI MASAK KARI**C12**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan tenggiri	6.3 kg	
2	Rempah kari ikan	313 g	Ditambahkan sedikit air dan jadikan pes
3	Bendi	825 g	
4	Tomato	288 g	Dibelah 4
5	Santan	2.4 liter	
6	Air asam jawa	125 ml	
BAHAN-BAHAN PENUMIS			
1	Bawang putih	125 g	Dikisar
2	Bawang merah	325 g	Dikisar
3	Halia	63 g	Dikisar
	Halba campur		
3	- Biji sawi	62.5 g	
	- Jintan manis		
	- Halba		
4	Daun kari	180 g	Ambil daunnya
5	Minyak masak	563 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**DOH :**

- 1 Panaskan minyak dan tumiskan bawang-bawang halba campuran dan daun kari. Goreng hingga layu dan bau wangi.
- 2 Kemudian, masukkan pes rempah kari, masak sehingga garing. Jika terlalu kering, masukkan sedikit air.
- 3 Masukkan air asam jawa dan garam. Masak sehingga mendidih.
- 4 Masukkan ikan dan bendi dan biarkan sehingga masak.
- 5 Masukkan tomato dan masak selama 5 minit.
- 6 Masukkan santan didihkan selama 1 minit.
- 7 Angkat dan hidang bersama nasi atau roti.

Resepi : IKAN JENAHAK MASAK KARI**C13**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan jenahak	6.3 kg	
2	Rempah kari ikan	313 g	Ditambahkan sedikit air dan jadikan pes
3	Bendi	825 g	
4	Tomato	288 g	Dibelah 4
5	Santan	2.4 liter	
6	Air asam jawa	125 ml	
BAHAN-BAHAN PENUMIS			
1	Bawang putih	125 g	Dikisar
2	Bawang merah	325 g	Dikisar
3	Halia	63 g	Dikisar
	Halba campur		
3	- Biji sawi	62.5 g	
	- Jintan manis		
	- Halba		
4	Daun kari	180 g	Ambil daunnya
5	Minyak masak	563 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**DOH :**

- 1 Panaskan minyak dan tumiskan bawang-bawang halba campuran dan daun kari. Goreng hingga layu dan bau wangi.
- 2 Kemudian, masukkan pes rempah kari, masak sehingga garing. Jika terlalu kering, masukkan sedikit air.
- 3 Masukkan air asam jawa dan garam. Masak sehingga mendidih.
- 4 Masukkan ikan dan bendi dan biarkan sehingga masak.
- 5 Masukkan tomato dan masak selama 5 minit.
- 6 Masukkan santan didihkan selama 1 minit.
- 7 Angkat dan hidang bersama nasi atau roti.

Resepi : IKAN SENANGIN MASAK KARI**C14**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan senangin	25 ekor	Seekor dipotong 2 bahagian
2	Rempah kari ikan	313 g	Ditambahkan sedikit air dan jadikan pes
3	Bendi	825 g	
4	Tomato	288 g	Dibelah 4
5	Santan	2.4 liter	
6	Air asam jawa	125 ml	
BAHAN-BAHAN PENUMIS			
1	Bawang putih	125 g	Dikisar
2	Bawang merah	325 g	Dikisar
3	Halia	63 g	Dikisar
	Halba campur		
3	- Biji sawi	62.5 g	
	- Jintan manis		
	- Halba		
4	Daun kari	180 g	Ambil daunnya
5	Minyak masak	563 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK**DOH :**

- 1 Panaskan minyak dan tumiskan bawang-bawang halba campuran dan daun kari. Goreng hingga layu dan bau wangi.
- 2 Kemudian, masukkan pes rempah kari, masak sehingga garing. Jika terlalu kering, masukkan sedikit air.
- 3 Masukkan air asam jawa dan garam. Masak sehingga mendidih.
- 4 Masukkan ikan dan bendi dan biarkan sehingga masak.
- 5 Masukkan tomato dan masak selama 5 minit.
- 6 Masukkan santan didihkan selama 1 minit.
- 7 Angkat dan hidang bersama nasi atau roti.

Resepi : IKAN SELAR GORENG**C15**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN-BAHAN			
1	Ikan selar	50 ekor	Dibersihkan
5	Serbuk kunyit	62.5 g	
6	Garam halus	Secukup rasa	
7	Minyak	Secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Lumur ikan bersama garam dan serbuk kunyit.
- 2 Kemudian, sediakan minyak secukupnya untuk menggoreng.
- 3 Masukkan ikan dan goreng hingga garing keemasan.

Resepi : IKAN VEGETARIAN BERLADA**C16**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ikan vegetarian	4 kg	Potong ikan kepada saiz kecil
2	Bawang besar	1 kg	Dipotong bulat
3	Bawang merah	325 g	Dikisar
4	Bawang putih	325 g	Dikisar
5	Cili kering	100 g	Dikisar
6	Jus limau kasturi	60 ml	
7	Garam & Gula	Secukup rasa	
8	Minyak (untuk menumis)	250 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Lumurkan ikan dengan garam kemudian goreng dan ketepikan
- 2 Panaskan minyak. Tumis bahan kisar dan bawang besar sehingga wangi dan terbit minyak
- 3 Perasakan dengan gula, garam dan jus limau kasturi
- 4 Masukkan ikan yang telah digoreng. Kacau sehingga sebatu



MENU DAGING

D1	<i>Daging Masak Black Pepper</i>
D2	<i>Daging Masak Asam Pedas</i>
D3	<i>Daging Masak Kicap</i>
D4	<i>Daging Paprik</i>
D5	<i>Kurma Daging</i>
D6	<i>Rendang Daging</i>
D7	<i>Sup Daging</i>

D. Resepi Standard **DAGING**

Resepi : **DAGING MASAK BLACK PEPPER**

D1

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
BAHAN A			
1	Daging Lembu	6 Kg	Dibersihkan, dituskan dan dipotong kecil dan nipis
2	Bawang Merah	900gm	Dihiris
3	Bawang Putih	360gm	Dihiris
4	Halia	180gm	Dihiris
5	Bawang Besar	12 labu	Dihiris
6	Tepung Jagung	360gm	Dibancuh
7	Air	250ml	Dibancuh
8	Kicap Pekat	360gm	
9	Lada Hitam	360gm	
10	Minyak Masak	360gm	
11	Garam	Secukup rasa	
BAHAN B			
1	Daun Sup	24 tangkai	Dihiris
2	Daun Bawang	10 tangkai	Dihiris
3	Cili Merah	24 biji	Dihiris
4	Cili Hijau	24 biji	Dihiris
5	Tomato	12 biji	1 Biji tomato (Dibelah 6)
CARA PENYEDIAAN / MEMASAK			
1	Panaskan minyak dan tumiskan bahan yang dihiris sehingga wangi dan layu		
2	Masukkan daging dan gorengkan sehingga daging lembut		
3	Masukkan air bancuhan tepung jagung, kicap pekat dan lada hitam. Kacau rata		
4	Masukkan pula daun bawang, daun sup, tomato, cili hijau dan cili merah. Kacau rata		
5	Angkat dan hidangkan		

Resepi : DAGING MASAK ASAM PEDAS**D2**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Daging	4 kg	Dihiris nipis, dicuci dan direbus sehingga empuk
2	Serai	300 g	Dititik
3	Bunga kantan	1.1 kg	
4	Daun kesum	250 g	
5	Serbuk lada hitam kasar	50 g	
6	Serbuk kunyit	50 g	
7	Pes asam jawa	50 g	
8	Cili kering	150 g	Dikisar
9	Bawang merah	175 g	Dikisar
10	Bawang putih	125 g	Dikisar
11	Halia	100 g	Dikisar
12	Lengkuas	150 g	Dikisar
13	Garam	100 g	
14	Minyak (menumis)	250 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak. Tumis serai dan bahan-bahan kisar hingga harum, masukkan serbuk kunyit dan serbuk lada hitam kasar. Kacau rata dan tumis sehingga pecah minyak
- 2 Masukkan daging dan kacau hingga daging kecut.
- 3 Tuang air rebusan daging dan tambah air jika kurang, kacau dan biar mendidih.
- 4 Masukkan pes asam jawa, daun kesum dan bunga kantan. Kacau dan biar mendidih.
- 5 Perasakan dengan garam. Kacau rata dan masak sekejap.

Resepi : DAGING MASAK KICAP**D3**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Daging	4.8Kg	Dihiris Nipis
2	Bawang Besar	12 labu	Dipotong bulat
3	Serbuk Lada Hitam	10 camca	
4	Tomato	12 biji	Dibelah enam
5	Marjerin	12 camca	
6	Serbuk Buah Pala		
7	Kicap Pekat	180gm	
BAHAN KISAR			
1	Bawang Merah	500gm	Dikisar
2	Bawang Putih	360gm	Dikisar
BAHAN HIASAN			
1	Cili Merah		
2	Daun Sadri		
3	Bawang		

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Gaulkan bahan kisar dengan daging
- 2 Panaskan marjerin, masukkan daging dan masak sedikit sehingga daging kecut
- 3 Tambahkan sedikit air dan kicap pekat
- 4 Setelah daging empuk, masukkan bawang besar, tomato. Perasakan dengan serbuk lada hitam dan serbuk buah pala
- 5 Hidang dan hias

Resepi : DAGING PAPRIK**D4**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Daging Lembu	6Kg	
2	Lada Benggala	6 biji	Dipotong Dadu
3	Bunga Kobis	3 Kg	
4	Kacang Panjang	1.8 Kg	
5	Cili Padi (Merah)	60 biji	
6	Serai	30 batang	Diketuk
7	Daun Limau Purut	50 helai	
8	Bawang Besar	24 labu	Belah enam
9	Bawang Putih	500gm	Cincang Halus
10	Tomato	24 biji	Potong empat
11	Jagung muda	60 biji	
12	Daun Ketumbar		
BAHAN SOS			
1	Sos Tiram	360gm	
2	Sos Tomato	900gm	
3	Sos Cili	500gm	
4	Kicap Manis	500gm	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Rebus Daging sehingga empuk dan kemudian toskan air. Simpan air rebusan untuk digunakan dalam masakan. Setelah sejuk, potong daging nipis secara melintang. Gaulkan sedikit garam dan serbuk kunyit, gaul sehingga rata dan goreng jangan sampai garing. Angkat dan toskan daging tersebut
- 2 Masukkan sedikit minyak di dalam kuali. Tumis bawang besar, bawang putih, dan serai hingga harum. Masukkan cili padi, daun limau purut dan daging. Kacau dan masak sekejap. Tambahkan air rebusan daging
- 3 Tambah bahan-bahan sos diatas, bunga kobis, kacang panjang, lada benggala, jagung muda dan kemudian digaul sehingga rata. Masukkan tomato dan masak sehingga sayur lembut. Akhir sekali masukkan daun ketumbar, kacau semua bahan tersebut dan boleh dihidang.

Resepi : KURMA DAGING**D5**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Daging Lembu	5 Kg	
2	Tomato	24 biji	
3	Limau Nipis	12 biji	Diperah & Ambil Jus
4	Kentang	24 biji	Dipotong 4
5	Santan	6 Liter	
6	Bawang Besar	12 labu	
7	Rempah Kurma	360gm	Dicampur sedikit air untuk jadi pes
BAHAN TUMIS			
1	Bawang Merah	720gm	
2	Bawang Putih	120gm	
3	Halia	100gm	
4	Kulit Kayu Manis	6 inci	
5	Bunga Cengkih	24 kuntum	
6	Buah Pelaga	24 biji	
7	Bunga Lawang	12 kuntum	
8	Minyak Masak	60gm	
9	Garam		
10	Biji Kas-kas	150gm	Dikisar halus

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Bersihkan daging kemudian dipotong dadu
- 2 Pijarkan minyak, masukkan bahan-bahan tumis hingga kekuningan
- 3 Setelah itu, masukkan rempah dan goreng lagi hingga naik bau
- 4 Masukkan daging, kentang dan santan. Rendidihkan hingga daging dan kentang menjadi empuk
- 5 Masukkan bawang besar, tomato dan serbuk kas-kas dan jus limau

Resepi : RENDANG DAGING**D6**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Daging Lembu	4.8Kg	
2	Asam Gelugor	24 keping	
3	Garam	Secukup rasa	
4	Lada Sulah	90gm	
5	Santan	10 Kg	
6	Daun Kunyit	12 helai	Dimayang
7	Kerisek	500gm	
8	Serai	12 batang	Dititik

BAHAN TUMIS

1	Cili Kering	140 tangkai	
2	Serai	24 batang	Diracik halus
3	Lengkuas	180gm	Dikisar
4	Bawang Putih	900gm	
5	Bawang Merah	1 Kg	
6	Halia	90gm	
7	Kunyit	6 camca teh	
8	Daun Limau Purut		

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Perapkan daging dengan garam dan lada sulah selama 20 – 30 minit
- 2 Masukkan sedikit minyak ke dalam kuali. Setelah minyak panas, goreng bahan tumis hingga naik bau
- 3 Setelah itu, masukkan daging. Kacau lagi dengan air daging. Tuang santan, kacau hingga mendidih
- 4 Masukkan asam gelugor, serai yang dititik dan daun kunyit yang telah dimayang halus
- 5 Kacau lagi hingga hampir kering, kemudian masukkan kerisek, garam dan lada sulah. Kacau sehingga sebati dan kuah pekat. Setelah itu doleh diangkat

Resepi : SUP DAGING**D7**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Daging Lembu	7.5kg	Dipotong kecil, basuh dan toskan
2	Sup Bunjut	5 bungkus	
3	Kentang	15 biji	Dipotong 4
4	Lobak Merah	5 biji	
5	Daun Sup		
6	Bawang Goreng		
BAHAN TUMIS			
1	Bawang Merah	500gm	Ditumbuk
2	Bawang Putih	25gm	Ditumbuk
3	Bawang Besar	5 labu	Ditumbuk
4	Halia	150gm	Ditumbuk
5	Akar Pokok Daun sup	10 batang	Ditumbuk
6	Serai	10 batang	Dititik
7	Kulit Kayu Manis	5 batang	
8	Bunga Lawang	25 biji	
9	Lada Hitam (Biji)	150gm	Ditumbuk lumat
10	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Rebus daging bersama sup bunjut dalam periuk dengan api perlahan
- 2 Panaskan minyak dan tumiskan bahan yang ditumbuk (bawang merah, bawang putih, bawang besar, halia dan akar pokok daun sup hingga kekuningan dan tutup api
- 3 Masukkan bahan tumis ke dalam periuk daging, masak daging hingga lembut dan campurkan garam
- 4 Masukkan kentang, setelah lembut masukkan lobak merah
- 5 Hidangkan sup dengan taburan daun sup dan bawang goreng



Menu SEAFOOD

E1

Udang Goreng Berempah

E2

Sambal Udang

E. Resepi Standard SEAFOOD

Resepi : UDANG GORENG BEREMPAH

E1

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Udang	6250gm	Dibersihkan dan dituskan
2	Halia	188g	Dibersihkan dan dihiris
3	Bawang merah	63g	Dibersihkan dan dihiris
4	Bawang putih	125g	Dibersihkan dan dihiris
5	Halba campur	63g	Dibersihkan
5	Daun kari	88g	Dibersihkan dan dibuang tankai
6	Rempah kari	125g	
7	Air asam jawa	1563ml	Dibancuh bersama air dan ditapis
8	Bawang besar	130g	Dipotong gelang
9	Tomato	2500g	Dibersihkan dan dibelah 4
10	Minyak masak	200ml	
11	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak masak kemudian tumis bahan yang dihiris, halba campur dan daun kari sehingga layu
- 2 Masukkan rempah kari dan kacau sehingga rata dan pecah minyak
- 3 Masukkan sotong dan air asam jawa. Biar mendidih
- 4 Masukkan bawang besar dan tomato. Kacau seketika kemudian tutup api
- 5 Sedia dihidangkan

Resepi : SAMBAL UDANG**E2**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Udang	7500g	Dibersihkan dan dituskan
2	Cili merah (cili besar)	500g	Dibersihkan dan dikisar
3	Halia	375g	Dibersihkan dan dikisar
4	Gula	Secukup rasa	
5	Cuka	Secukup rasa	
5	Tepung jagung	250g	
6	Daun sup	88g	Dibersihkan dan dipotong 2cm
7	Daun bawang	88g	Dibersihkan dan dipotong 2cm
8	Bawang putih	250g	Dibersihkan dan dihiris halus
9	Sos tomato	1563g	
10	Minyak masak	1563ml	
11	Air	3125ml	
12	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan tumis bawang putih hingga kuning
- 2 Masukkan cili merah yang telah ditumbuk dan udang
- 3 Campurkan garam, bancuhan sos tomato, cuka, gula dan tepung jagung. Kacau rata
- 4 Masak diatas api sederhana hingga mendidih
- 5 Apabila hamper sudah masak, masukkan daun sup dan daun bawang yang dipotong 2cm panjang
- 6 Angkat dan hidang panas



MENU SAYUR

F1	<i>Sayur Campur</i>
F2	<i>Sambal Goreng Jawa</i>
F3	<i>Sup Sayur Campur</i>
F4	<i>Labu Kuning / Kobis Masak Lemak</i>
F5	<i>Bayam / Labu Air + Suhun + Ikan Bilis / Cendawan Tiram / Kubis Panjang + Lobak Merah / Tumis Air</i>
F6	<i>Tomyam Campur Sayur</i>
F7	<i>Tomyam Sayur</i>
F8	<i>Sawi Jepun Goreng Sos Tiram</i>
F9	<i>Kailan Goreng Belacan</i>
F10	<i>Sayur Kangkung / Kacang Panjang + Lobak Merah / Kobis + Ikan Bilis / Kacang Buncis / Taugeh + Tauhu + Kuchai / Kacang Buncis + Taugeh + Lobak Merah / Bayam / Sawi Putih / Sawi Jepun / Kubis Goreng</i>

F. Resepi Standard **SAYUR-SAYURAN**

Resepi : **SAYUR CAMPUR**

F1

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Brokoli	2000 gm	Dipotong mengikut saiz
2	Lobak merah	500 gm	Dipotong bentuk jejari halus
3	Kacang buncis	500 gm	Dipotong serong
	Bahan Menumis		
4	- Bawang besar	250 gm	Dihiris halus
	- Bawang putih	100 gm	
	Bahan hiasan		
5	- Cili merah	50 gm	Dihiris halus
6	Stok ikan bilis	150 ml	
7	Minyak masak	100 ml	
8	Air	2L	
9	Garam secukup rasa	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan masukkan bahan-bahan yang telah dikisar hingga wangi.
- 2 Masukkan Brokoli, Lobak Merah dan Kacang Buncis.
- 3 Masukkan sedikit air ke dalamnya dan secukup garam.
- 4 Masukkan cili merah.
- 5 Angkat dan sedia untuk dihidangkan

Resepi : SAMBAL GORENG JAWA**F2**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Kentang10	3750 gm	Dibuang kulit Dihiris nipis
2	Tauhu 20	500 gm	Dipotong dadu
3	Tempe 20	3750 gm	Dipotong dadu
4	Ikan Bilis	50 cawan	
5	Suhun 5	250 gm	Dipotong pendek dan direndam
6	Kacang panjang 5	250 gm	Dipotong serong-serong
	Bahan Menumis		
	- Bawang besar	500 gm	
7	- Serai	100gm	Dikisar
	- Bawang putih	750 gm	
	- Lengkuas	100gm	
	- Cili merah	1000 gm	
8	Kicap lemak manis	50 ml	
9	Santan	6250ml	
10	Air asam jawa	1325 ml	
11	Bawang besar	4500 gm	Dihiris halus
12	Minyak masak	3750 ml	
13	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak masak kemudian gorengkan kentang, tempe, tauhu dan ikan bilis secara berasingan. Tuskan minyaknya.
- 2 Asingkan separuh minyaknya dan tumiskan bahan yang dikisar sehingga baunya wangi.
- 3 Masukkan suhun, kicap dan sedikit air hingga suhun menjadi lembut.
- 4 Masukkan bahan-bahan yang sudah digoreng tadi dan kacau hingga rata.
- 5 Masukkan air asam jawa, santan dan garam secukup rasa.
- 6 Masukkan bawang besar dan kacau lagi sehingga kering.
- 7 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi : SUP SAYUR CAMPUR
F3

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Sawi	1500 gm	Dipotong dan asingkan batang dengan daun
2	Lobak merah	1500 gm	Dipotong jejari halus
3	Putik jagung	1500 gm	Dipotong 4
4	Bunga kobis	1500 gm	Dipotong kecil
5	Daun sup	20 gm	Dihiris halus
6	Daun bawang	20 gm	Dihiris halus
7	Bahan Menumis	250 gm	Dihiris halus
	- Bawang besar	100 gm	
8	Bahan hiasan	50 gm	Dihiris halus
	Cili merah		
9	Stok ikan bilis	250 gm	
10	Air	2.5L	
11	Minyak	100 ml	
12	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak.
- 2 Masukkan bahan menumis hingga naik berbau wangi.
- 3 Masukkan air hingga mendidih.
- 4 Masukkan lobak merah, putik jagung dan bunga kobis.
- 5 Kemudian masukkan sawi, garam secukup rasa dan kcau. Tutup api.
- 6 Masukkan daun sup dan daun bawang.
- 7 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi : LABU KUNING / KUBIS MASAK LEMAK**F4**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Labu kuning	3000 gm	Dibuang kulit dan biji Dipotong kuib
	Kubis	4000 gm	Dihiris
	Bahan		
2	- Bawang besar	250 gm	Dihiris halus
	- Bawang putih	100 gm	
3	Stok ikan bilis	150 gm	
4	Daun kunyit	40 gm	Dibersihkan dan dicarik
5	Kunyit hidup	10 gm	Dikisar
6	Santan	250 ml	
7	Air	2.5L	
8	Lada Hitam	100 gm	Dikisar
9	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Masukkan semua bahan yang dihiris, stok ikan bilis, daun kunyit, kunyit hidup yang telah dikisar, lada hitam dan labu.
- 2 Masak sehingga labu lembut.
- 3 Masukkan santan , garam secukup rasa dan kacau lalu tutup api.
- 4 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi :

BAYAM / LABU AIR + SUHUN + IKAN BILIS / CENDAWAN TIRAM / KUBIS PANJANG + LOBAK MERAH / TUMIS AIR

F5

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
	Bayam hijau	4000 gm	Asingkan bayam dari batangnya
	Labu Air	4000 gm	Buang kulitnya dan potong kuib
1	Suhun	250 gm	Dipotong pendek dan direndamkan
	Cendawan Tiram	2000 gm	Dicarik kasar
	Kubis panjang	2500 gm	Dipotong
	Lobak merah	2000 gm	Dipotong jejari
2	Bahan Menumis	250 gm	
	- Bawang besar	100 gm	Dihiris halus
	- Bawang putih		
3	Stok ikan Bilis	250 gm	
4	Bahan hiasan	100 gm	Dihiris halus
	- Cili merah		
5	Minyak	100 ml	
6	Air	2.5 L	
7	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak.
- 2 Tumiskan bawang merah dan bawang putih hingga wangi. Masukkan stok ikan bilis.
- 3 Masukkan air hingga mendidih.
- 4 Masukkan batang bayam, bayam, cili merah dan garam secukup rasa.
- 5 Tutup api dan sedia untuk dihidangkan.

Resepi : TOM YAM CAMPUR SAYUR**F6**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
	Udang	1000 gm	Dibersihkan dan ditoskan
	Sotong	1000 gm	Dibersihkan dan dipotong secara bulat
1	Lobak merah	1000 gm	Dipotong jejari
	Bunga kubis	1500 gm	Dipotong
	Tomato	500 gm	Dipotong 4
	Bahan Menumis		
2	- Bawang besar	250 gm	Dihiris halus
	- Bawang putih	100 gm	
	Bahan hiasan		
	- Daun ketumbar	10 gm	Dihiris halus
3	Serai	250 gm	Ditketuk
4	Lengkuas	150 gm	Diketuk
5	Daun limau purut	20 gm	Dicarik daunnya
6	Pes tomyam	150 gm	
7	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan masukkan bahan menumis hingga berbau wangi.
- 2 Masukkan air hingga mendidih.
- 3 Masukkan pes tomyam, serai, lengkuas dan daun limau purut.
- 4 Masukkan udang, sotong, lobak merah dan bunga kubis.
- 5 Masukkan garam secukup rasa.
- 6 Kacau dan tutup api. Kemudian masukkan daun ketumbar dan tomato.
- 7 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi : TOM YAM SAYUR**F7**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
	Tomato	1000 gm	Dibelah 4
	Lobak merah	1500 gm	Dipotong jejari halus
1	Putik jagung	1000 gm	Dihiris panjang lebih kurang 2 inci
	Bunga kobis	1000 gm	Dipotong kecil
	Cendawan	1000 gm	Dicarik kasar
	Batang Saderi	1000 gm	Dipotong serong lebih kurang 2 inci
	Bahan Menumis	250 gm	
2	- Bawang besar	100 gm	Dihiris
	- Bawang putih		
3	Stok ikan bilis	150 gm	
4	Bahan hiasan	100 gm	Dihiris
	- Cili merah		
5	Pes tomyam	150 gm	
6	Serai	250 gm	Ditketuk
7	Lengkuas	150 gm	Diketuk
8	Daun limau purut	20 gm	Dicarik daunnya
9	Air	2.5L	
10	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan masukkan bahan menumis hingga berbau wangi.
- 2 Masukkan air hingga mendidih.
- 3 Masukkan stok ikan bilis, pes tomyam, serai, lengkuas dan daun limau purut.
- 4 Masukkan lobak merah, putik jagung, bunga kobis, cendawan, batang saderi dan garam secukup rasa.
- 5 Kacau dan tutup api. Kemudian masukkan cili dan tomato.
- 6 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi : SAWI JEPUN GORENG SOS TIRAM**F8**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Sawi Jepun	3000 gm	Dipotong
	Bahan Menumis		
2	- Bawang besar	150 gm	Dihiris halus
	- Bawang putih	100 gm	
3	Stok ikan bilis	150 gm	
4	Sos Tiram	250 ml	
5	Kicap pekat	75 ml	
6	Bahan hiasan		
	- Cili merah	100 gm	Dihiris
7	Minyak	100 ml	
8	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan masukkan bawang besar dan bawang putih hingga berbau wangi.
- 2 Masukkan stok ikan bilis, sos tiram dan kicap pekat.
- 3 Masukkan Sawi Jepun, cili merah dan garam secukup rasa. Kacau dan tutup api.
- 4 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi : KAILAN GORENG BELACAN**F9**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Kailan	4000 gm	Dipotong
	Bahan Menumis	250 gm	
	- Bawang besar	100 gm	
2	- Bawang putih	150 gm	Dikisar
	- Cili merah	50 gm	
	- Belacan	15 gm	
3	Stok ikan bilis	150 gm	
4	Air	100 L	
5	Minyak	100 ml	
6	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak.
- 2 Masukkan bahan-bahan yang dikisar hingga berbau wangi.
- 3 Masukkan sedikit air hingga mendidih.
- 4 Masukkan kailan, garam secukup rasa dan kacau lalu tutup api.
- 5 Sedia untuk dihidangkan.

Resepi :

**SAYUR KANKUNG / KACANG PANJANG + CAROT / KOBIS + IKAN
BILIS / KACANG BUNCIS / TAUGEH + TAUHU + KUCHAI / KACANG
BUNCIS + TAUGEH + CAROT / BAYAM / SAWI PUTIH / SAWI JEPUN /
KUBIS GORENG**

F10

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
	Kangkung	4000 gm	Dipotong
	Kacang panjang	2000 gm	Dipotong lebih kurang 2 sm
	Lobak merah	2000 gm	Dipotong jejari
	Kacang buncis	6000 gm	Dipotong lebih kurang 2 sm
	Taugeh	2000 gm	Dibersihkan
	Tauhu	1500 gm	Dipotong dadu
	Kuchai	500 gm	Dipotong lebih kurang 2 sm
	Sawi putih	2500 gm	Dipotong lebih kurang 2 sm
1	Tauhu	2000 gm	Dipotong kuib
	Bayam	4000 gm	Dipotong
	Kacang buncis	1350 gm	Dipotong lebih kurang 2 sm
	Taugeh	1350 gm	Dibersihkan
	Lobak merah	1350 gm	Dipotong jejari
	Kubis	4000 gm	Dipotong
	Sawi Jepun	4000 gm	Dipotong
	Kubis	2500 gm	Dipotong
	Lobak merah	1500 gm	Dipotong jejari
	Bahan Menumis		
2	- Bawang besar	250 gm	Dihiris halus
	- Bawang putih	100 gm	
3	Bahan hiasan	100 gm	Dihiris halus
	- Cili merah		
4	Stok ikan bilis	150 gm	
5	Air	1L	
6	Minyak	100 ml	
7	Garam	Secukup rasa	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak.
- 2 Masukkan bahan-bahan yang dikisar hingga berbau wangi.
- 3 Masukkan air dan stok ikan bilis hingga mendidih.
- 4 Masukkan sayur, garam secukup rasa dan kacau sekejap. Tutup api.



MENU MASAKAN BARAT (Western)

G1	<i>Makaroni Goreng</i>
G2	<i>Spaghetti Goreng</i>
G3	<i>Spaghetti Bolognaise</i>
G4	<i>Sup Cendawan Berkrim</i>
G5	<i>Chickem Chop Dan Sos Lada Hitam</i>
G6	<i>Fish & Corn</i>

G. Resepi Standard **WESTERN (BARAT)**

Resepi : **MAKARONI GORENG**

G1

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Makaroni	5 kg	Direbus sehingga lembut dan ditoskan. Ambil 2 cawan air rebusan
2	Bawang besar	750 g	Dikisar
3	Bawang putih	625 g	Dikisar
4	Cili kering	150 g	Dikisar
5	Isi ayam	2 kg	Dicincang
6	Tomato	750 g	Dipotong dadu
7	Lobak merah	1.1 kg	Dipotong dadu
8	Sos cili	1 kg	
9	Daun bawang	200 g	Dihiris halus
10	Minyak masak	200	
11	Garam	150	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan tumis bahan kisar
- 2 Masukkan sos cili. Kacau rata dan masak sekejap.
- 3 Masukkan isi ayam dan air rebusan. Kacau dan masak sekejap.
- 4 Tambah lobak merah dan makaroni. Gaul rata dan tambah garam. Masak hingga kering
- 5 Tabur hirisan daun bawang sebelum dihidangkan

Resepi : SPEGHETTI GORENG**G2**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Spaghetti	4 kg	Direbus dan ditoskan
2	Isi ayam	2 kg	Dikisar
3	Lobak merah	1.5 kg	Dihiris nipis
4	Tomato	1.5 kg	10 biji dipotong dadu 20 biji dikisar halus untuk dijadikan puri
5	Telur	1200 g	Dipukul
6	Bawang besar	900 g	Dicincang halus
7	Bawang putih	250 g	Dicincang halus
8	Cili kisar	100 g	
9	Minyak zaitun	250 ml	
10	Garam	Secukup rasa	
11	Daun sup	125 g	Dihiris halus

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak zaitun
- 2 Tumis bawang besar dan bawang putih sehingga kekuningan.
- 3 Masukkan cili kisar dan tumis sehingga cili kisar garing
- 4 Masukkan lobak merah. Tumis hingga lembut
- 5 Masukkan isi ayam dan tumis sehingga ayam masak
- 6 Masukkan telur
- 7 Masukkan tomato yang dikisar (puri) dan tomato yang dipotong dadu. Kacau sehingga sebati
- 8 Akhir sekali masukkan spaghetti dan perasakan dengan garam

Resepi : SPAGHETTI BOLOGNAISE**G3**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Spaghetti	4 kg	Direbus sehingga lembut dan ditoskan
2	Isi ayam	2 kg	Dicincang halus/ dikisar
3	Tomato	2.5 kg	Dipotong dadu
4	Bawang putih	300 g	Dikisar
5	Bawang besar	1.8 kg	Dicincang
6	Sos tomato	1.5 L	
7	Gula	300 g	
8	Oregano	30 g	
9	Garam	30 g	
10	Minyak	200 ml	
11	Air	4.5 L	
12	Serbuk lada hitam kasar	60 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak
- 2 Tumiskan bawang besar dan bawang putih. Tumis sehingga kekuningan
- 3 Masukkan isi ayam dan kacau sehingga ayam separuh masak
- 4 Masukkan tomato, sos tomato, gula, garam, seruk lada hitam kasar dan air. Kacau sehingga sehati
- 5 Biarkan ia mendidih dan reneh sehingga pekat
- 6 Letakkan spaghetti atas pinggan kemudian tuangkan kuah dan hidangkan

Resepi :	SUP CENDAWAN BERKRIM
-----------------	----------------------

G4

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Bawang besar (<i>Holland</i>)	2 kg	Dihiris
2	<i>Leek</i>	1.5 kg	Dihiris
3	<i>Celery</i>	1.5 kg	Dihiris
4	Cendawan <i>Shitake</i>	10 kg	Dibersihkan dan dihiris
5	Mentega	2 kg	
6	Tepung	2 kg	
7	Stok ayam	50 L	
8	Susu rendah lemak	6.5 L	
8	<i>Bouquet garni</i> (taim, pasli, daun bay)		Diikat bersama
9	Lada sulah		
10	Garam		

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Tumis bawang besar, leek dan celery dengan mentega tanpa menjadi perang.
- 2 Tambah tepung gandum dan masak perlahan tanpa menjadi perang.
- 3 Alihkan dari api. Sejukkan sebentar.
- 4 Perlahan-lahan masukkan stok ayam. Kacau sehingga mendidih.
- 5 Tambah cendawan *Shitake*, *bouquet garni* dan perasakan.
- 6 Renih 30-45 minit. Buang buih/ kotoran jika perlu.
- 7 Keluarkan *bouquet garni*. Tapiskan atau kisar.
- 8 Masuk balik ke dalam periuk yang bersih dan didihkan semula.
- 9 Masukkan susu rendah lemak.

Resepi : CHICKEN CHOP DAN SOS LADA HITAM
G5

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
a Untuk ayam			
1	Isi ayam	6.3 kg	
2	Tepung gandum	1.5 kg	
3	Telur	3 kg	
4	Serbuk roti	1.8 kg	
5	Serbuk lada hitam	120 g	
6	Garam	Secukup rasa	
7	Kicap manis	750 g	
8	Minyak (untuk menggoreng)	Secukupnya	
b Untuk kuah <i>black pepper</i>			
1	Mentega	750 g	
2	Tepung gandum	1 kg	
3	Susu segar	12.5 L	
4	Serbuk lada hitam	500 g	
5	Kicap pekat	400 ml	
6	Sos lada hitam	1.5 g	
7	Stok ayam	100 ml	
c Untuk <i>Coleslaw</i>			
1	Kobis	2 kg	Disagat
2	Lobak merah	1 kg	Disagat
3	Mayonnaise	1.8 kg	
d Untuk jagung			
1	Isi jagung kernel	3 kg	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK
A. Untuk ayam

- 1 Perap ayam dengan kicap manis, garam dan serbuk lada hitam selamat 30 minit
- 2 Selepas 30 minit, keluarkan ayam dan lap kering menggunakan tisu yang sesuai
- 3 Tabur dengan tepung dan goncang untuk membuang lebihan tepung
- 4 Celup ayam ke dalam telur dan lumurkan ikan dengan serbuk roti. Gaul rata hingga keseluruhan ikan tersalut serbuk roti.
- 5 Panaskan minyak dan goreng sehingga kedua dua belah permukaan berwarna keperangan dan masak

B. Untuk kuah *black pepper*

- 1 Panaskan mentega
- 2 Masukkan tepung dan kacau supaya tidak bergentel
- 3 Masukkan susu segar dan serbuk lada hitam
- 4 Tambahkan kicap pekat, sos lada hitam, garam dan stok ayam. Kacau sehingga kuah menjadi pekat

C. Untuk *Coleslaw*

- 1 Campur semua sayur yang telah disayat dengan mayonnaise

D. Untuk isi jagung

- 1 Panaskan pengukus dan kukus jagung sehingga masak

Resepi :	FISH AND CORN
-----------------	---------------

G6

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
a Untuk Ikan			
1	Ikan dory	4 kg	
2	Serbuk lada sulah	125 g	
3	Serbuk lada hitam	125	
4	Tepung gandum	1.1 kg	
5	Tepung jagung	1.8 kg	
6	Serbuk penaik	175 g	
7	Serbuk roti	2.5 kg	
8	Minyak (untuk menggoreng)	Secukupnya	
b Untuk Coleslow			
1	Kobis	2 kg	Disagat
2	Lobak merah	1 kg	Disagat
3	Mayonnaise	1.8 kg	
c Untuk kuah lemon			
1	Lemon	2.5 kg	
2	Mentega	625 g	
3	Gula	50 g	
4	Tepung jagung	125 g	Dibancuh dengan sedikit air
d Untuk jagung			
1	Isi jagung kernel	3 kg	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

A. Untuk ikan

- 1 Basuh ikan dori bersih-bersih dan keringkan sedikit tisu yang sesuai.
- 2 Lumurkan dengan serbuk lada hitam, lada sulah dan garam
- 3 Kemudian perah jus lemon ke atas ikan
- 4 Satukan tepung gandum, tepung jagung, baking powder dan garam ke dalam bekas yang besar Masukkan air sedikit demi sedikit kacau/gaul hingga sebati dan tidak berketul. (Konsistensi *batter* yang baik adalah bila adunan diveduk dengan sudu dan jari dilalukan di belakang sudu tersebut, ada garisan nyata yang terpisah antara adunan)
- 6 Panaskan minyak.
- 7 Celup ikan ke dalam adunan kemudian lumurkan ikan dengan serbuk roti. Gaul rata hingga keseluruhan ikan tersalut serbuk roti.

- 8 Goreng hingga keemasan. Angkat dan toskan lebih minyak.

B. Untuk Coleslow

- 1 Campur semua sayur yang telah disayat dengan mayonnaise

C. Untuk kuah lemon

- Panaskan mentega, kemudian masukkan jus lemon, bancuhan tepung jagung dan gula. Kacau rata dan tutup api
- 1

D. Untuk isi jagung

- 1 Panaskan pengukus dan kukus jagung sehingga masak



MENU MI / BIHUN / KUE TIAW

H1	<i>Bihun Goreng</i>
H2	<i>Bihun Goreng Putih</i>
H3	<i>Bihun Soto</i>
H4	<i>Kuetiau Goreng</i>
H5	<i>Mi Goreng</i>
H6	<i>Mi Hailam</i>
H7	<i>Hor Fun Sup</i>
H8	<i>Yong Tau Foo</i>

H. Resepi Standard MI, BIHUN, KUETIAW

Resepi : **BIHUN GORENG**

H1

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Bihun	5 kg	Direndam dan ditoskan
2	Cili kering	240 g	Dikisar
3	Bawang merah	240 g	Dikisar
4	Bawang putih	180 g	Dikisar
5	Isi ayam	2 kg	Dihiris nipis
6	Kubis	3 kg	Diracik
7	Sawi	1 kg	Dipotong panjang 1 inci
8	Taugeh	1 kg	Dibersihkan
9	Air	1.5 L	
10	Minyak	250 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan tumiskan bahan yang dikisar sehingga wangi
- 2 Masukkan isi ayam. Kacau rata
- 3 Apabila isi ayam sudah masak, masukkan garam dan air. Biarkan mendidih
- 4 Masukkan kubis dan bihun. Kacau rata sehingga sehati
- 5 Apabila bihun sudah lembut, masukkan sawi dan taugeh. Gaulkan rata supaya semua bahan sehati
- 6 Sedia untuk dihidangkan

Resepi : BIHUN GORENG PUTIH**H2**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Bihun	5 kg	Direndam dan ditoskan
2	Bawang putih	120 g	Dikisar
3	Ayam	2 kg	Dipotong dadu
4	Daun kucai	1.5 kg	Dipotong panjang lebih kurang 1 inci
5	Kubis	1 kg	Diracik halus
6	Lobak merah	1 kg	Dipotong bentuk jejari halus
7	Air	2 L	
8	Lada hitam kasar	80 g	
9	Garam	Secukup rasa	
10	Cili merah (untuk hiasan)	250 g	Dihiris
11	Minyak	200 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak
- 2 Tumis bawang putih sehingga wangi
- 3 Masukkan ayam dan lada hitam. Kacau rata
- 4 Tambah air
- 5 Masukkan kubis, lobak merah dan bihun. Kacau sehingga rata
- 6 Bila nampak bihun sudah lembut, masukkan daun kucai dan gaul sehingga rata
- 7 Bila menghidang, taburkan cili merah

Resepi : BIHUN SOTO**H3**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Ayam	2 kg	Direbus dan dicarik isinya
2	Bihun	5 kg	Direbus dan ditoskan
3	Bawang merah	250 g	Dikisar
4	Bawang putih	90 g	Dikisar
	Rempah ratus campuran		
	- Bunga lawang	10 g	
5	- Bunga cengkih	10 g	
	- Kulit kayu manis	10 g	Dibersihkan
	- Buah pelaga	10 g	
6	Buah keras	30 g	Ditumbuk
7	Halia	45 g	Ditumbuk
8	Minyak	100 ml	
9	Garam	Secukup rasa	
10	Air	5 L	
11	Daun sup	125 g	Dihiris halus
12	Daun bawang	125 g	Dihiris halus
13	Bawang goreng	125 g	
14	Taugeh	200 g	Dibersihkan
	Sambal kicap		
	- Cili api	500 g	
15	- Bawang putih	50 g	
	- Kicap manis	350 ml	Dikisar
	- Gula	15 g	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak
- 2 Tumis bahan kisar bersama rempah campuran, buah keras dan halia hingga wangi
- 3 Masukkan bahan tumis dalam air rebusan ayam dan biarkan mendidih
- 4 Masukkan garam
- 5 Untuk menghidang, sediakan mangkuk dan masukkan bihun yang telah direbus. Tuangkan kuah soto dan taburkan sedikit daun sup, daun bawang, bawang goreng, taugeh dan sambal kicap

Resepi : KUETIAU GORENG**H4**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Kuetiau	4 kg	
2	Taugeh	500 g	
3	Sawi	750 g	Dipotong panjang 1 inci
4	Udang	1 kg	Dibuang kepala, perut, ekor dan dibuang kulitnya
5	Kicap pekat	250 ml	
6	Kicap cair	120 ml	
7	Lada sulah	25 g	
8	Garam	30 g	
9	Bawang merah	360 g	Dikisar
10	Bawang putih	300 g	Dikisar
11	Cili merah	180 g	
12	Minyak	200 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak
- 2 Tumis bawang merah dan bawang putih sehingga kuning
- 3 Masukkan udang dan kacang
- 4 Masukkan kicap cair, sawi dan taugeh.
- 5 Masukkan kuetiau dan kacang sehingga rata
- 6 Tambahkan kicap pekat, garam dan lada sulah. Kacau sehingga rata
- 7 Sedia untuk dihidangkan

Resepi : MI GORENG**H5**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Mi	5 kg	Direbus dan dicarik isinya
2	Ayam	2 kg	
3	Tauhu	1.5 kg	Digoreng dahulu dan dipotong kiub
4	Sawi	1 kg	
5	Cili kisar	120 g	
6	Bawang merah	480 g	Dikisar
7	Bawang putih	250 g	Dikisar
8	Tomato	600 g	Dibelah 6
9	Daun sup	120 g	Dihiris halus
10	Gula	60 g	
11	Garam	Secukup rasa	
12	Minyak	250 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak
- 2 Tumis bawang merah dan putih sehingga wangi
- 3 Masukkan cili kisar dan tumis hingga naik minyak
- 4 Masukkan ayam
- 5 Perasakan dengan garam dan gula
- 6 Masukkan mi dan kacau sehingga rata
- 7 Masukkan sayur, tauhu goreng dan tomato. Kacau sekejap sehingga rata
- 8 Akhir sekali tabur daun sup ketika menghidang

Resepi : MI HAILAM**H6**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Mi	5 kg	Dicuci dan dicelur
2	Isi ayam	1.5 kg	Dipotong 30 g untuk setiap hidangan
3	Udang	1 kg	
4	Telur	500 g	
5	Sawi	1 kg	
6	Bawang putih	150 g	Dikisar
7	Bawang merah	275 g	Dikisar
8	Cili kering	100 g	Dikisar
9	Halia	100 g	Dikisar
10	Sos tiram	275 g	
11	Kicap manis	250 g	
12	Kicap masin	250 g	
13	Tepung jagung	50 g	Dibancuh dengan sedikit air
14	Kobis	1 kg	
15	Lobak merah	1 kg	
16	Tomato	700 g	Dibelah 4
17	Garam	50 g	
18	Gula	25 g	
19	Minyak (menumis)	200 ml	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan tumis bahan kisar sehingga harum
- 2 Kemudian masukkan ayam, masak hingga ayam empuk
- 3 Tambahkan air jika kuahnya kering
- 4 Masukkan sos tiram, kicap manis dan kicap masin
- 5 Perasakan dengan garam dan gula
- 6 Masukkan lobak dan biar sehingga lobak lembut.
- 7 Masukkan sawi, kobis dan tomato
- 8 Masukkan telur dan biarkan sehingga masak
- 9 Biar kuah merenih dan masukkan bancuhan tepung jagung. Kacau sehingga kuah pekat sedikit

Resepi : HOR FUN SUP**H7**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
1	Kuew Teow	5 kg	Dicuci dan dicelur
2	Isi ayam	2 kg	
3	Bawang putih	320 g	
4	Serbuk lada putih	35 g	
5	Minyak bijan	35 g	
6	Daun kucai	130 g	Dipotong panjang lebih kurang 1 inci
7	Garam	350g	
8	Gula	15 g	
9	Minyak (untuk menumis)	150 ml	
10	Stok ayam (rujuk resepi standard stok ayam)	150 ml	
10	Air	Secukupnya	

CARA PENYEDIAAN / MEMASAK

- 1 Panaskan minyak dan tumis bawang putih hingga layu. Masukkan lada putih dan kacau.
- 2 Masukkan air secukupnya dan biarkan mendidih
- 3 Masukkan ayam dan biarkan ayam masak. Apabila ayam masak, keluarkan dan sejukkan. Carik-carikkan ayam dan ketepikan.
- 4 Masukkan stok ayam dan perasakan dengan garam dan gula. Kacau rata
- 5 Tambahkan sedikit minyak bijan. Kacau rata dan biarkan ia merenih
- 6 Untuk menghidang masukkan kuew teow ke dalam mangkuk dan tuangkan kuah. Tambahkan ayam yang telah dicarik dan daun kucai

Resepi : YONG TAU FOO**H8**

BIL	BAHAN-BAHAN	HIDANGAN (50 Porsi)	PRA-PENYEDIAAN
a	Untuk kuah sos		
1	Cili kering	80 g	Digoreng dan dikisar bersama belacan
2	Belacan	200 g	
3	Tepung jagung	115 g	Dibancuh dengan sedikit air
4	Gula	40 g	
